

YAM Cakna Mangsa Banjir

Oleh: Nurul 'Awatif Alias, 1180246

KULIM: Sukarelawan Yayasan Amal Malaysia (YAM) Cawangan Kedah telah menyalurkan bantuan sumbangan kemanusiaan kepada mangsa-mangsa yang terjejas akibat bencana banjir di Padang Serai, Jumaat lalu.

Ahli Jawatankuasanya, Dr Alias Md Isa berkata, tiga kampung yang terlibat dalam misi pengagihan bantuan kemanusiaan dan jenis bantuan yang diberikan ialah berupa 100 pek makanan yang telah siap dimasak serta paket keperluan asas.



Sukarelawan-sukarelawan mengagihkan bantuan bekalan makanan kepada mangsa banjir di Padang Serai.
Foto: sumber WhatsApp

“Kesemua petugas dibahagikan kepada dua kumpulan bagi memudahkan misi yang dijalankan, iaitu, penyerahan makanan ke setiap rumah pada waktu pagi dan petang dan pengagihan paket keperluan asas kepada mangsa banjir,” katanya.

Katanya, aras air banjir pula mencecah paras pinggang berikutan hujan lebat selama satu jam di kawasan tersebut.

Dimaklumkan, Dapur Rakyat di Kompleks Dakwah Wadi An Nasr digunakan sebagai tempat memasak dan pengumpulan kit bantuan sebelum ia diagihkan kepada mangsa banjir.



Para petugas YAM menyusun paket-paket keperluan asas sebelum diberikan kepada mangsa banjir.

Penyerahan 100 pek makanan dihantar dari rumah ke rumah menggunakan bot kepada mangsa banjir yang masih terperangkap di dalam rumah.

Paket keperluan asas berupa beras, tepung gandum, gula, teh, sos cili dan kicap pula diagihkan kepada mangsa banjir di Dewan Serbaguna Kompleks Dakwah Wadi An Nasr.

Sementara itu, penduduk kampung berterima kasih kerana sudi membantu meringankan beban mereka.